

Research Article:

Sorotan Literatur Bersistematis: Semantik Inkuisitif sebagai Kaedah Pembelajaran Peribahasa Melayu Sekolah Menengah
Systematic Literature Review: Inquisitive Semantics as a Method for Learning Malay Proverbs in Secondary School

Mohd Ridzuan Md Nasir^{1*} and Mary Fatimah Subet^{1,2}

¹ Faculty of Education, Language and Communication, Universiti Malaysia Sarawak, Jalan Datuk Mohammad Musa, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

² Institute of Creative Arts and Technology (iCreate), Universiti Malaysia Sarawak, Jalan Datuk Mohammad Musa, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

*Corresponding author: wan_rabbani@yahoo.com.my

ABSTRACT

Inquisitive semantics is a research framework used in the field of linguistics to analyse meaning in depth based on empirical data, theoretical framework and reasoning. This study was conducted to systematically analyse and synthesise the inquisitive semantic approach as a method of learning proverbs based on inquiry at the secondary school level. In the Form 4 and Form 5 Malay Language Secondary School Standard Curriculum documents, teachers' teaching and learning need to emphasise elements of higher order thinking skills such as Inquiry-Based Learning in order to help students master skills in 21st century learning. Two databases, namely Scopus and Google Scholar were used to obtain related articles that focused on publications from 2019 to 2023. This study applied the PRISMA Model as a research procedure. A total of 471 articles were collected but only 20 articles were identified that met the scope of this study. The findings show that the inquisitive semantic study framework successfully unearths the true meaning of proverbs down to the root using the inquiry method in addition to being able to highlight high thinking skills and also the diversity of disciplines. However, the number of studies that use inquisitive semantics as a method of learning aspects of language arts at the secondary school level is still very few. Thus, studies that utilise inquisitive semantics in the context of education can be increased and diversified in the future.

Keywords: Malay proverbs, inquisitive semantics, inquiry-based learning, systematic literature review, applied linguistics

Received: 23 December 2022; **Accepted:** 20 April 2024; **Published:** 18 July 2024

To cite this article: Nasir, M. R. M., & Subet, M. F. (2024). Sorotan literatur bersistematis: Semantik inkuisitif sebagai kaedah pembelajaran peribahasa Melayu sekolah menengah. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 39(1), 171–190. <https://doi.org/10.21315/apjee2024.39.1.7>

ABSTRAK

Semantik inkuisitif merupakan kerangka kajian yang digunakan dalam bidang linguistik untuk menganalisis makna secara mendalam dengan bersandarkan data empirikal, kerangka teoretis dan akal budi. Kajian ini dijalankan bagi menganalisis secara sistematik dan sintesis pendekatan semantik inkuisitif sebagai kaedah pembelajaran peribahasa berasaskan inkuiri di peringkat sekolah menengah. Dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan 5, pengajaran dan pembelajaran guru perlu memberi penekanan kepada unsur kemahiran berfikir aras tinggi seperti Pembelajaran Berasaskan Inkuiri agar dapat membantu pelajar menguasai kemahiran dalam pembelajaran abad ke-21. Dua pangkalan data, iaitu *Scopus* dan *Google Scholar* digunakan untuk mendapatkan artikel berkaitan yang menfokuskan penerbitan dari tahun 2019 sehingga 2023. Kajian ini mengaplikasikan Model PRISMA sebagai prosedur kajian. Sebanyak 471 artikel berjaya dikumpulkan. Walau bagaimanapun, hanya 20 artikel sahaja dikenal pasti yang memenuhi skop kajian ini. Hasil dapatan menunjukkan kerangka kajian semantik inkuisitif berjaya mencungkil makna sebenar peribahasa sehingga ke akar umbi menggunakan kaedah inkuiri selain dapat menonjolkan kemahiran berfikir yang tinggi dan juga kepelbagaian disiplin ilmu. Walau bagaimanapun, jumlah kajian yang menggunakan semantik inkuisitif sebagai kaedah pembelajaran aspek seni bahasa di peringkat sekolah menengah masih dikira sangat sedikit. Justeru, kajian yang memanfaatkan semantik inkuisitif dalam konteks bidang pendidikan boleh diperbanyak dan dipelbagaikan lagi pada masa akan datang.

Kata kunci: Peribahasa Melayu, semantik inkuisitif, pembelajaran berasaskan inkuiri, s orotan literatur bersistematik, linguistik terapan

PENGENALAN

Peribahasa merupakan seni bahasa warisan bangsa Melayu yang sangat istimewa. Menurut Hamzah dan Hassan (2011), peribahasa mempunyai fungsi penting dalam masyarakat Melayu itu sendiri yang berperanan sebagai hukum adat dan nasihat moral dalam mengawal kelakuan anggota masyarakatnya. Selain itu, Ahmadi (2004) berpendapat peribahasa adalah seni bahasa yang mempunyai nilai estetik yang sangat tinggi dan mampu meningkatkan sesebuah nilai karya sama ada lisan mahupun tulisan. Sehubungan dengan itu, untuk mengenali kebijaksanaan orang Melayu menurut Jalaluddin (2014), cukup dengan mengkaji dan meneroka penciptaan sesebuah peribahasa yang sebenarnya dapat melambangkan pemikiran, budaya, falsafah dan akal budi mereka.

Oleh sebab itu, pelajar perlu diajar mengenai ciri dan penggunaan peribahasa secara tepat dan bukan hanya memfokuskan kepada ungkapan dan makna kamus semata-mata. Pelajar juga tidak sepatutnya hanya disuruh menghafal makna permukaannya sahaja tanpa memahami dengan jelas maksud peribahasa tersebut secara kontekstual. Pelajar perlu dibawa untuk meneroka ungkapan dan makna peribahasa tersebut secara mendalam supaya mereka dapat menghayati dan menghargai keindahan seni bahasa ini dan dapat diterjemahkan penguasaannya dalam karya kreatif sama ada melalui lisan mahupun tulisan dengan kepelbagaian teknik yang menarik dan akhirnya akan menjamin kelestarian peribahasa sebagai warisan bangsa Melayu (Hassan & Jaafar, 2016; Jalaluddin & Kasdan, 2010; Jalaluddin & Nopiah, 2011; Musanif et al., 2011).

Menurut dokumen Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan 5 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2018), strategi dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dirancang dan dilaksanakan perlu mengambil kira keupayaan guru untuk menterjemahkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam pengajaran dan pembelajaran bagi merangsang tahap pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan pelajar seperti keupayaan mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Antara strategi pembelajaran yang dicadangkan termasuklah Pembelajaran Berasaskan Inkuiri, Pendekatan Kontekstual dan juga Elemen Merentas Kurikulum.

Matlamat KSSM Bahasa Melayu adalah untuk menyediakan pelajar dengan keterampilan berbahasa dan kemampuan berkomunikasi yang baik bagi memenuhi keperluan diri, menambah ilmu pengetahuan dan maklumat, meningkatkan kemahiran, memupuk nilai dan idea yang baik serta menambah baik interaksi sosial dalam kehidupan seharian (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Menurut Bakar (2018), bagi menjayakan matlamat ini, guru perlu memastikan pelajar diajar menggunakan teknik, kaedah dan strategi yang sesuai, seterusnya menentukan tahap penguasaan pelajar dengan merujuk standard prestasi yang ditetapkan. Oleh hal yang demikian, pemilihan teknik, kaedah, dan strategi pengajaran peribahasa yang bersesuaian perlu dikenal pasti oleh guru bagi memastikan matlamat KSSM Bahasa Melayu tercapai. Oleh itu, menurut pendapat pengkaji satu kajian yang komprehensif perlu dilakukan bagi mengenal pasti pendekatan yang bersesuaian dengan proses pengajaran dan pembelajaran peribahasa di peringkat menengah atas untuk dijadikan panduan oleh guru dan diguna pakai di dalam bilik darjah bersama pelajar. Pendekatan ini perlulah selari dengan kandungan KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan 5 yang telah dinyatakan bagi membantu pelajar mencapai standard pembelajaran dan standard prestasi masing-masing.

Jalaluddin (2014), dalam bukunya yang bertajuk *Semantik dan Akal Budi Melayu* telah memperkenalkan pendekatan semantik inkuisitif untuk menganalisis makna peribahasa sehingga ke akar umbi dan seterusnya mencapai kepada falsafah dan akal budi Melayu. Proses menganalisis makna peribahasa menggunakan pendekatan semantik inkuisitif melibatkan tiga tahap, iaitu semantik skrip, semantik resonans dan akhir sekali semantik inkuisitif. Setelah semantik skrip dan semantik resonans digunakan sebagai pendasaran dalam bidang pengkajian ilmu makna oleh ahli bahasa, Jalaluddin (2014) berpendapat analisis yang dilakukan perlu melalui satu lagi tahap untuk menjadikan perolehan makna itu lebih lengkap. Proses ini tidak boleh hanya dilihat menggunakan pandangan mata kasar tetapi perlu dihayati dengan tafsiran “mata hati” yang mempunyai makna tersembunyi di sebalik maksud tersurat dan tersirat. Konsep semantik inkuisitif dilandasi prinsip inkuiri atau semangat ingin tahu. Pertanyaan kenapa dan mengapa diajukan sehingga makna sebenar peribahasa yang dikaji berjaya dicungkil dan menemui akar umbinya sekali gus menyerlahkan akal budi penutur jati. Selain melibatkan skrip, data, teori dan kognitif dalam proses menganalisis makna, semantik inkuisitif turut menonjolkan keindahan bahasa, budaya, falsafah dan akal budi penuturnya yang dikatakan mencerminkan kebijaksanaan pemikiran Melayu (Jalaluddin, 2014).

Mengikuti pembacaan autentik yang dilakukan oleh pengkaji, semantik inkuisitif bukan sahaja berfungsi mencungkil makna peribahasa sehingga menemui falsafah dan akal budi Melayu, tetapi juga dilihat dapat menonjolkan pengetahuan yang bersifat merentas sempadan ilmu bahasa. Pendekatan yang digunakan dalam semantik inkuisitif tidak terhad dalam bidang linguistik sahaja malah turut merentasi sempadan ilmu bahasa, seperti sejarah, sains, geografi, agama, dan banyak lagi (Daud & Subet, 2022; Kasdan & Nopiah, 2021; Subet & Nasir, 2019). Ciri-ciri pembelajaran multidisiplin yang ditemui dalam kerangka kajian semantik inkuisitif ini dilihat mempunyai persamaan dengan strategi pengajaran dan pembelajaran yang terkandung dalam dokumen KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan 5, iaitu usaha mengintegrasikan kepelbagaian ilmu dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang disebut sebagai Elemen Merentas Kurikulum (EMK). EMK merupakan unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran selain yang ditetapkan dalam Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP). Elemen ini diterapkan bertujuan untuk mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Oleh hal yang demikian, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis secara sistematik dan sintesis pendekatan semantik inkuisitif berdasarkan kaedah sorotan literatur kajian terkini (2019–2023), sebagai kaedah alternatif pengajaran dan pembelajaran peribahasa pada peringkat sekolah menengah berdasarkan strategi pembelajaran yang dicadangkan dalam dokumen KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan 5 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2018).

SOROTAN LITERATUR

Pada bahagian ini, pengkaji akan menyoroti kajian-kajian lepas berkaitan pengajaran dan pembelajaran peribahasa oleh beberapa sarjana dari dalam dan luar negara. Merujuk kepada perspektif kaedah pengajaran dan pembelajaran peribahasa dalam negara, pengkaji menemui beberapa kajian lepas yang memperkenalkan pelbagai pendekatan pembelajaran peribahasa di dalam bilik darjah. Majoriti kajian yang dianalisis memberi tumpuan kepada penggunaan aplikasi dan teknologi maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran peribahasa seperti kajian dilakukan oleh Bakar et al. (2020) yang memperkenalkan aplikasi *i-Kit Peribahasa Unggul* berasaskan teknologi *Augmented Reality* kepada murid sekolah rendah. Manakala kajian oleh Jailani et al. (2020) pula telah membangunkan aplikasi multimedia berasaskan peranti *Kinect* untuk pengajaran dan pembelajaran peribahasa bagi kegunaan murid peringkat sekolah rendah dan juga sekolah menengah. Seterusnya, kajian oleh Jaafar et al. (2022) juga memberi tumpuan kepada penggunaan teknologi maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran peribahasa yang membangunkan aplikasi *Meneroka Peribahasa: Aplikasi Permainan Dan Pembelajaran Peribahasa Melayu* untuk peringkat sekolah rendah. Selain pendekatan yang mengaplikasikan teknologi maklumat dan digital untuk kaedah pengajaran dan pembelajaran peribahasa, terdapat juga kajian pengajaran dan pembelajaran peribahasa yang memperkenalkan pendekatan pembelajaran berasaskan projek seperti kajian yang dilakukan oleh Hussin (2020). Kajian ini memberi tumpuan kepada pembinaan buku skrap oleh murid-murid sendiri, iaitu murid-murid perlu menyenaraikan peribahasa dan maksud yang diperoleh daripada kamus.

Selain itu, kajian berkaitan pembelajaran peribahasa turut dijalankan oleh pengkaji dari luar negara dalam pelbagai skop. Seperti kajian dilakukan oleh Subadah (2020) yang membangunkan aplikasi Pintar Peribahasa berpandukan teknologi maklumat dan digital untuk kegunaan dalam pembelajaran peribahasa bagi murid sekolah rendah di Singapura. Manakala kajian oleh Sapriiline et al. (2023) memberi tumpuan kepada penghasilan modul peribahasa berbahasa Dayak Ngaju-Indonesia berdasarkan cerita rakyat untuk digunakan dalam pembelajaran peribahasa di sekolah dasar. Seterusnya, kajian oleh Samathayakul dan Thamaduangsri (2022) pula adalah bertujuan membangunkan kaedah pembelajaran peribahasa Thailand menggunakan kepelbagaian media untuk kegunaan pelajar kurang upaya (penglihatan) di peringkat pengajian tinggi.

Setelah pengkaji melakukan penelitian dan cerapan terhadap kajian-kajian lepas dari dalam dan luar negara berkaitan dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran peribahasa, kebanyakan kajian lepas seperti kajian oleh Bakar et al. (2020), Jailani et al. (2020), Jaafar et al. (2022), Subadah (2020), dan Samathayakul dan Thamaduangsri (2022) dilihat lebih tertumpu kepada kaedah pembelajaran yang mengaplikasikan teknologi digital dan kepelbagaian media. Pada dasarnya, penerapan unsur teknologi dalam proses pembelajaran sememangnya dapat membantu menarik minat pelajar dan merangsang pembelajaran aktif di dalam bilik darjah (Bakar et al., 2020; Jaafar et al., 2022; Subadah, 2020). Walau bagaimanapun, menurut pendapat kajian ini, penggunaan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran mempunyai kekurangannya dalam beberapa aspek tertentu. Menurut Subet dan Nasir (2019), fasiliti berasaskan kelengkapan teknologi digital di sekolah-sekolah dalam negara belum lagi lengkap atas beberapa faktor seperti kedudukan sekolah yang berada di pinggir dan luar bandar dan masih ramai guru yang belum mendapat pendedahan sepenuhnya terhadap penggunaan teknologi digital dalam pengajaran. Pada dasarnya, penggunaan perisian dan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran yang memerlukan perantara seperti komputer dan telefon pintar dilihat masih terbatas dalam keadaan tertentu (Nasir, 2019). Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar kaedah pengajaran peribahasa yang digunakan haruslah bersifat praktikal dan fleksibel serta bersesuaian dengan keadaan semasa prasarana sekolah. Selain itu, kajian-kajian lepas juga dilihat hanya memberi tumpuan terhadap penguasaan makna peribahasa secara permukaan sahaja, iaitu makna yang diperolehi daripada kamus-kamus peribahasa. Menurut pendapat pengkaji, selain memahami makna peribahasa yang diperolehi daripada kamus, pelajar juga perlu didedahkan dengan makna kognitif dan makna abstrak peribahasa supaya mereka dapat menghubungkan makna tersurat dan tersirat peribahasa dalam konteks yang sebenar.

Berdasarkan cerapan yang dilakukan oleh pengkaji terhadap kajian-kajian lepas berkaitan tahap penguasaan peribahasa dan makna, pengukurannya dalam kalangan pelajar sekolah di negara ini masih lagi berada pada tahap lemah dan sederhana. Hasil daripada dapatan kajian oleh Awang et al. (2022), Bakar et al. (2020), Hussin (2020), dan Tang et al. (2021) telah menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar masih lagi lemah dalam penggunaan peribahasa sama ada secara lisan mahupun penulisan. Kelemahan menguasai peribahasa dan makna mengikut konteks sebenar dalam berkomunikasi sama ada secara lisan mahupun tulisan boleh mengakibatkan timbulnya pelbagai masalah dalam proses pembelajaran

kepada pelajar. Kesilapan mentafsir makna asal peribahasa akan turut merosakkan estetika warisan bangsa ini jika tidak digunakan secara tepat. Kenyataan ini turut disokong dalam kajian Abdol (2018), Hamzah dan Hassan (2011), Hassan dan Jaafar (2016), Jalaluddin dan Kasdan (2010), Jalaluddin dan Nopiah (2011), dan Musanif et al. (2011).


Berdasarkan sorotan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji, maka jelaslah bahawa guru perlu mengenal pasti satu kaedah pengajaran dan pembelajaran peribahasa yang menyentuh kepelbagaian aspek secara menyeluruh dalam pelbagai konteks untuk diaplikasikan di dalam bilik darjah bersama pelajar. Hal ini kerana pemilihan strategi-strategi pembelajaran yang digabungkan dengan baik dapat membantu pelajar memahami makna peribahasa secara lebih abstrak dan bukan hanya menguasai maksud peribahasa dengan pandangan mata kasar sahaja tetapi juga menggunakan akal budi. Oleh hal yang demikian, kajian ini berpendapat pendekatan semantik inkuisitif yang digunakan untuk menganalisis makna peribahasa secara mendalam dan menyeluruh dalam bidang linguistik dapat dimanfaatkan sebagai kaedah pembelajaran peribahasa di peringkat sekolah menengah terutamanya untuk kelas menengah atas. Hal ini kerana, semantik inkuisitif didasari oleh konsep pembelajaran peribahasa secara inkuiri dan bersifat multidisiplin yang dilihat bersesuaian dengan strategi pembelajaran yang dicadangkan dalam KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan 5, iaitu pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri dan penerapan unsur EMK dalam proses pembelajaran bahasa.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah Sorotan Literatur Bersistematik (*Systematic Literature Review*; SLR) untuk menganalisis artikel yang berkaitan dengan tajuk kajian. Kajian SLR ini menggunakan garis panduan *Systematic Reviews and Meta-Analyses* ataupun dikenali sebagai Model PRISMA. Menurut Shaffril et al. (2019), Model PRISMA digunakan untuk membantu penyelidik menguruskan maklumat yang diperlukan dalam sorotan kajian secara berperingkat dan sekaligus dapat mengekalkan kualiti sorotan kajian yang dihasilkan. Terdapat empat peringkat proses dalam menghasilkan SLR:

1. Mengetahui maklumat artikel (*identification*).
2. Menyaring (*screening*).
3. Memeriksa kelayakan (*eligibility*).
4. Merangkum (*inclusion*).

Rajah 1 menunjukkan paparan proses pemilihan artikel yang dilakukan menggunakan Model PRISMA.



Rajah 1. *Systematic Reviews and Meta-Analyses Model* (Model PRISMA)
 (Sumber: Diadaptasi daripada Moher et al., 2009)

Peringkat Pengenalpastian

Pada peringkat pengenalpastian, pengkaji memulakan pencarian artikel menggunakan pangkalan data utama, iaitu Scopus dan pangkalan data sokongan Google Scholar. Scopus dipilih sebagai enjin carian utama kerana ia merupakan pangkalan data terbesar yang memuatkan artikel berwasit daripada 25 ribu jurnal berindeks dalam pangkalan data mereka (Elsevier, 2021). Pada dasarnya, pencarian artikel menggunakan pangkalan data Scopus sudah memadai untuk mendapatkan artikel-artikel yang berkualiti kerana terdapat sumber carian dokumen utama dan dokumen sokongan dalam dapatan carian. Walau bagaimanapun, pengkaji turut menggunakan enjin carian Google Scholar sebagai sokongan kerana pangkalan data ini juga mengumpulkan banyak artikel penerbitan ilmiah.

Pencarian artikel dalam dua pangkalan data ini menggunakan beberapa istilah kata kunci carian seperti “peribahasa”, “proverbs” “semantik inkuisitif”, “inquisitive semantics” dan “inkuisitif”.

Peringkat Penyaringan dan Kelayakan

Pengkaji telah menetapkan beberapa kriteria penulisan artikel semasa pencarian dilakukan di peringkat penyaringan dan memeriksa kelayakan. Kriteria pertama pencarian artikel adalah dalam garis masa lima tahun yang terkini, iaitu bermula tahun 2019 sehingga 2023. Alasannya adalah untuk mendapatkan kajian terkini yang berkaitan dengan peribahasa dan juga semantik inkuisitif. Artikel yang dipilih adalah yang melibatkan penggunaan data peribahasa dan dianalisis menggunakan kerangka kajian semantik inkuisitif yang diperkenalkan oleh Jalaluddin (2014) sahaja. Dalam proses penyaringan, pencarian artikel juga dikesalkan skop melalui “carian terperinci” dengan membataskan carian istilah kata kunci yang terdapat dalam tajuk artikel sahaja. Selain itu, pemilihan artikel juga dilakukan dengan mencari artikel yang boleh diakses secara terbuka sahaja bagi memudahkan pengkaji untuk memuat turun artikel yang diperlukan untuk dianalisis. Pada peringkat tinjauan awal, pengkaji hanya meneliti tajuk, abstrak dan kata kunci yang terdapat pada artikel sahaja. Hal ini kerana Kraus et al. (2020) berpendapat, pada peringkat awal pengkaji hanya perlu membaca tajuk dan abstrak sesebuah artikel sahaja dan itu sudah memadai untuk menentukan adakah artikel tersebut layak untuk dikaji menggunakan kaedah SLR ataupun tidak. Pada peringkat memeriksa kelayakan, teks penuh kemudiannya dicari dan dimuat turun untuk dibaca bagi memastikan artikel tersebut boleh dikekalkan atau disisihkan dalam pencarian terakhir. Bahan atau artikel yang ditolak adalah berdasarkan kriteria seperti buku, kamus, artikel berbentuk laporan atau prosiding yang tidak diterbitkan, tesis dan juga disertasi. Menurut Liyanagunawardena et al. (2013), penulisan bahan ilmiah seperti ini tidak terpilih kerana objektif dan kredibilitinya tidak melalui protokol yang diperlukan dalam penerbitan sesebuah artikel melalui jurnal.

Peringkat Rangkuman

Setelah pengkaji melakukan saringan dan memeriksa kelayakan artikel, pada peringkat akhir adalah proses merangkum artikel yang benar-benar layak untuk dianalisis sebagai sorotan literatur. Hasil daripada pencarian artikel melalui pangkalan data Scopus dan Google Scholar, pengkaji telah berjaya mengumpulkan 20 artikel yang menepati kesemua kriteria yang ditetapkan dalam prosedur pemilihan artikel.

DAPATAN KAJIAN

Setelah berjaya mengumpulkan artikel yang menepati kehendak pengkaji untuk dilakukan sorotan literatur, rumusan bagi setiap artikel dilakukan mengikut skop kajian masing-masing. Rumusan artikel dilakukan dalam bentuk jadual untuk memudahkan pengkaji melakukan analisis. Jadual 1 menunjukkan rumusan artikel yang layak untuk dikaji.

Jadual 1. Rumusan kumpulan artikel yang layak sebagai sorotan literatur

Bil.	Penulis (Tahun)	Tajuk artikel	Tajuk jurnal	Negara	Pangkalan data	Skop kajian
1.	Zaini & Jalaluddin (2019)	Struktur seni bina Melayu “tangga” dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif	Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu	Malaysia	Google Scholar	Seni bina
2.	Daud & Subet (2019a)	Sudah tidak tersudu oleh angsa, baru diberikan kepada itik: Perspektif semantik inkuisitif dan akal budi Melayu	Jurnal Melayu Sedunia	Malaysia	Google Scholar	Haiwan
3.	Murthy et al. (2019a)	Cerminan pemakanan sihat dalam peribahasa Tamil: Suatu kajian semantik inkuisitif	Jurnal Sains Sosial dan Humaniora	Indonesia	Google Scholar	Makanan
4.	Murthy et al. (2019b)	Peribahasa Tamil berimej lada hitam sebagai tradisi lisan: Analisis semantik inkuisitif	The International Journal of Creative Futures and Heritage	Malaysia	Google Scholar	Tumbuhan
5.	Murthy et al. (2019c)	Kajian semantik inkuisitif dalam peribahasa Tamil: Imej tumbuhan	Sains Humanika	Malaysia	Google Scholar	Tumbuhan
6.	Murthy & Subet (2019)	Imej katak (கவளதை) dalam peribahasa Tamil: Analisis semantik inkuisitif	MALTESAS Multi-disciplinary Research Journal	Malaysia	Google Scholar	Haiwan
7.	Saimon & Md. Rashid (2022)	Konsep kepimpinan dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif	International Journal of Language Education and Applied Linguistics	Malaysia	Google Scholar	Kepimpinan

(Bersambung)

Jadual 1. (Sambungan)

Bil.	Penulis (Tahun)	Tajuk artikel	Tajuk jurnal	Negara	Pangkalan data	Skop kajian
8.	Jonteng et al. (2021)	Imej perlambangan 'tangan' dalam simpulan bahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif	Asian People Journal	Malaysia	Google Scholar	Anggota badan
9.	Daud & Subet (2022)	Ayam sebagai rujukan makna inkuisitif berhati-hati, sia-sia dan khianat dalam peribahasa Melayu	Kajian Malaysia	Malaysia	Scopus	Haiwan
10.	Daud et al. (2021)	Refleksi sisi negatif burung gagak dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif	Issues in Language Studies	Malaysia	Scopus	Haiwan
11.	Subet & Nasir (2019)	Analisis semantik inkuisitif peribahasa Bahasa Melayu	Malaysian Journal of Learning and Instruction	Malaysia	Scopus	Pendidikan
12.	Murthy & Subet (2020)	Gajah (஁஁஁஁) dalam peribahasa Tamil: Analisis semantik inkuisitif	Asian People Journal	Malaysia	Google Scholar	Haiwan
13.	Sabarudin & Rosly (2021)	Unsur bunga dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif	International Young Scholars Journal of Languages	Malaysia	Google Scholar	Tumbuhan
14.	Kasdan & Nopiah (2021)	Padi dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif	Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu	Malaysia	Google Scholar	Tumbuhan
15.	Kinanti & Rachman (2019)	Padi bagi masyarakat Indonesia: Kajian semantik inkuisitif pada peribahasa Indonesia	Jurnal Bahasa, Sastra dan Pengajarannya	Indonesia	Google Scholar	Tumbuhan

(Bersambung)


Jadual 1. (Sambungan)

Bil.	Penulis (Tahun)	Tajuk artikel	Tajuk jurnal	Negara	Pangkalan data	Skop kajian
16.	Daud & Subet (2019b)	Ayam (<i>Gallus Gallus Domesticus</i>) dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif	Jurnal Kemanusiaan	Malaysia	Google Scholar	Haiwan
17.	Zazuli & Hermendra (2023)	Pemaknaan dan keterbacaan dalam peribahasa dalam kebudayaan Melayu berbasis semantik inkuisitif	Jurnal Ragam Budaya Gemilang	Indonesia	Google Scholar	Pendidikan
18.	Amran & Nopiah (2020)	Peribahasa Melayu berunsurkan burung: Satu analisis semantik inkuisitif	International Young Scholars Journal of Languages	Malaysia	Google Scholar	Haiwan
19.	Nopiah et al. (2023)	Cerminan kuasa melalui peribahasa Melayu yang berobjekkan 'gajah' dan 'harimau': Analisis semantik inkuisitif	RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya	Malaysia	Google Scholar	Haiwan
20.	Nopiah & Anuar (2023)	Unsur eufemisme dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif	Jurnal Bahasa	Malaysia	Google Scholar	Eufemisme / Bahasa halus

Perbincangan Dapatan Kajian

Berdasarkan cerapan pengkaji terhadap artikel-artikel yang dianalisis, semantik inkuisitif pada dasarnya diperkenalkan sebagai satu pendekatan dalam bidang kajian semantik untuk mencungkil makna sesuatu ungkapan atau ujaran yang mempunyai ketersiratan makna di sebaliknya sehingga menemui maksud sebenar yang ingin disampaikan dan seterusnya mencapai kepada falsafah dan akal budi. Semantik inkuisitif juga digunakan secara meluas oleh ahli linguistik dalam pengkajian makna peribahasa. Dalam usaha untuk memahami peribahasa dan makna secara lebih mendalam, semantik inkuisitif didasari oleh sifat ingin tahu. Pertanyaan kenapa dan mengapa secara berulang-ulang dan berterusan diaplikasikan sehingga berjaya mencungkil makna sebenar peribahasa yang dikaji seterusnya menemui akar umbi dan menyerlahkan akal budi penutur jati. Kerangka kajian semantik inkuisitif melibatkan semantik skrip pada peringkat permulaan analisis, diikuti dengan semantik resonans yang merangkumi pengumpulan data, teori dan kognisi dan akhir sekali mengaplikasikan semantik inkuisitif dengan mengaitkan bahasa, budaya, falsafah dan akal budi penuturnya dalam mencerminkan kebijaksanaan pemikiran Melayu. Intipati sebenar

semantik inkuisitif hanya dapat ditemukan apabila pengkaji mempunyai keazaman untuk meneroka, bertanya, mempersoalkan, dan mencari jawapan kepada persoalan-persoalan yang timbul di sebalik penggunaan imej sebagai perlambangan dan metafora dalam peribahasa yang dikatakan mempunyai makna tersirat. Walaupun kerangka kajian semantik inkuisitif digunakan secara meluas oleh ahli bahasa untuk meneliti makna peribahasa dalam bidang linguistik, kajian ini berpendapat semantik inkuisitif juga dapat dimanfaatkan oleh guru-guru Bahasa Melayu dan dikembangkan ilmunya dalam bidang pendidikan di peringkat sekolah menengah untuk tujuan pembelajaran bahasa dalam kalangan pelajar. Kajian ini berpendapat sedemikian kerana kerangka kajian semanti inkuisitif memberi tumpuan terhadap analisis makna peribahasa secara berperingkat dan tersusun yang berkembang mengikut aras kognitif. Kerangka kajian menggunakan pendekatan semantik inkuisitif oleh Jalaluddin (2014) dipaparkan dalam Rajah 2.



Rajah 2. Kerangka kajian semantik inkuisitif

(Sumber: Diambil dan diubah suai daripada buku *Semantik dan Akal Budi Melayu* [Jalaluddin, 2014])

Merujuk kepada Rajah 2, kerangka kajian semantik inkuisitif yang diperkenalkan oleh Jalaluddin (2014) melibatkan tiga tahap analisis. Tahap satu adalah semantik skrip yang melibatkan analisis makna permukaan yang diberikan oleh intuisi Melayu pada zaman dahulu. Makna permukaan peribahasa ini diperoleh dengan merujuk kamus-kamus peribahasa yang diterbitkan oleh badan-badan yang berwibawa atau dengan membuat rujukan di Pusat Rujukan Persuratan Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka secara dalam talian di laman sesawang (<http://prpmv1.dbp.gov.my/>). Semantik skrip adalah makna setara yang hanya menunjukkan makna tersurat sahaja dan tidak dihuraikan dengan

lebih mendalam. Walau bagaimanapun, makna peribahasa pada peringkat permukaan ini dilihat tidak berupaya untuk menunjukkan perkaitan di antara bahasa, kognitif dan akal budi Melayu dan memerlukan analisis pada peringkat seterusnya, iaitu semantik resonans (Jalaluddin, 2014).

Setelah makna kamus peribahasa dijelaskan melalui peringkat semantik skrip, analisis selanjutnya dilakukan dengan menghubungkan makna peribahasa tersebut dengan teori, data, dan kognitif penutur serta hubungannya dari aspek kebahasaan yang ditunjukkan melalui bukti linguistik. Analisis pada tahap kedua yang dinamakan semantik resonans ini dilakukan dengan menggunakan contoh ujaran dalam konteks sebenar. Proses analisis data pada peringkat semantik resonans ini dilakukan dengan menerapkan Rangka Rujuk Silang (RRS) oleh Kempson (1986). RRS adalah suatu pendekatan dalam bidang pragmatik di bawah Teori Relevans (TR) yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986) yang kemudiannya dikemas kini pada tahun 1995 (Sperber & Wilson, 1995) seperti konteks, kesan kognitif dan usaha memproses. Walaupun begitu, menurut Jalaluddin (2014), analisis pada peringkat semantik resonans masih juga belum mencukupi untuk menghubungkan makna tersirat dengan falsafah dan akal budi penutur jati. Oleh itu, analisis makna peribahasa diteruskan ke tahap yang lebih tinggi, iaitu analisis semantik inkuisitif yang mengaitkan bahasa, budaya, kognitif dan falsafah serta akal budi Melayu.

Analisis peringkat seterusnya adalah dengan menggunakan semantik inkuisitif untuk mengkaji makna implisit peribahasa. Pada tahap ketiga, analisis makna dilakukan dengan lebih mendalam untuk mencungkil falsafah dan akal budi Melayu dengan mempersoalkan penggunaan imej atau subjek tertentu yang terdapat dalam ungkapan peribahasa tersebut. Berdasarkan sumber yang diperoleh melalui data, teori dan kognitif, pengkaji perlu menimbulkan persoalan demi persoalan sehingga alasan sebenar sebab pemilihan leksikal tersebut digunakan dalam ungkapan sesebuah peribahasa itu ditemui. Hal ini dilakukan dengan tujuan supaya makna peribahasa tersebut dapat difahami dengan lebih mendalam sehingga ke akar umbi bagi membongkar rahsia kebijaksanaan pemikiran Melayu dahulu kala (Jalaluddin, 2014).

Melalui analisis yang dilakukan oleh pengkaji terhadap kajian-kajian lepas yang terdapat di dalam Jadual 1, kebanyakan kajian adalah berdasarkan kepada bidang bahasa dan linguistik yang berfokuskan peribahasa berunsurkan haiwan sebagai subjek kajian mereka seperti angsa, itik, ayam, musang, burung, katak, harimau dan gajah (Amran & Nopiah, 2020; Daud & Subet, 2019; 2022; Daud et al., 2021; Murthy & Subet, 2019; 2020; Nopiah et al., 2023). Terdapat juga kajian lepas yang hanya menggunakan peribahasa berunsurkan tumbuhan dalam kajian mereka seperti lada hitam, padi, rumput, halia, kunyit dan bunga (Kasdan & Nopiah, 2021; Kinanti & Rachman, 2019; Murthy et al., 2019b; 2019c; Sabarudin & Rosly, 2021). Selain daripada peribahasa berunsurkan haiwan dan tumbuhan, terdapat juga kajian yang menggunakan subjek lain sebagai data kajian mereka seperti seni bina Melayu (Zaini & Jalaluddin, 2019), makanan (Murthy et al., 2019a), anggota badan (Jonteng et al., 2021), konsep kepimpinan dalam peribahasa Melayu (Saimon & Md. Rashid, 2022), unsur eufemisme dalam peribahasa Melayu (Nopiah & Anuar, 2023) dan pendidikan (Subet & Nasir, 2019; Zazuli & Hermandra, 2023).

Mengambil contoh kajian oleh Daud et al. (2021), kajian ini telah menggunakan data peribahasa bersumberkan “burung gagak” sebagai subjek untuk dianalisis menggunakan semantik inkuisitif. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk meneroka sebab mengapa masyarakat Melayu dahulu kala memilih imej perlambangan burung gagak dalam peribahasa Melayu dengan menggunakan kerangka kajian semantik inkuisitif. Peribahasa yang dianalisis dalam kajian ini ialah “Bagai gagak menggonggong telur”, “Burung gagak itu jika dimandikan dengan air mawar sekalipun, tidak akan menjadi putih bulunya”, “Gagak pulang ke benua” dan “Hitam gagak tiada siapa yang mencelupnya”. Hasil daripada dapatan kajian ini menunjukkan bahawa imej burung gagak dalam peribahasa Melayu sering digambarkan dengan sifat-sifat negatif seperti rupa yang buruk, jahat, licik, perangai yang tidak elok dan busuk. Menurut dapatan kajian ini lagi, walaupun terdapat kajian lain berkaitan burung gagak yang menunjukkan sisi positif dari sudut intelektual dan emosi, namun dari perspektif zoologi burung gagak adalah sejenis haiwan pemakan bangkai yang kotor dan berbau busuk. Oleh hal yang demikian, pembentukan peribahasa yang menggunakan imej perlambangan burung gagak oleh masyarakat Melayu pada zaman dahulu pada lazimnya menggambarkan sikap-sikap yang negatif seperti bersikap khianat, tikam belakang, mementingkan diri sendiri, dan sentiasa mengambil peluang untuk menjatuhkan orang lain.

Selain kajian yang menggunakan data peribahasa berunsur haiwan, terdapat juga beberapa pengkaji lepas yang memilih peribahasa bertemakan tumbuh-tumbuhan untuk dianalisis menggunakan kerangka kajian semantik inkuisitif. Antaranya adalah kajian oleh Sabarudin dan Rosly (2021) yang menggunakan data peribahasa bersumberkan ‘bunga’ sebagai subjek kajian mereka. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti makna perlambangan dan metafora berimejkan “bunga” yang terdapat dalam peribahasa Melayu dan perkaitannya dengan perkara, sifat, perbuatan dan juga fenomena yang terjadi dalam ragam kehidupan masyarakat. Dalam kajian ini, pengkaji mengambil tiga peribahasa yang menggunakan unsur bunga secara khusus untuk dianalisis menggunakan kerangka kajian semantik inkuisitif, iaitu “bunga dedap”, “bunga mawar” dan “bunga senduduk”. Hasil daripada analisis data menunjukkan peribahasa yang menggunakan imej bunga tertentu secara khusus ini pada dasarnya menggambarkan sifat tumbuhan tersebut seperti warna, bau, tempat bunga itu tumbuh dan rupa bentuk bunga tersebut. Antara dapatan yang diperoleh daripada analisis makna peribahasa “bunga dedap” membawa maksud “wanita yang cantik tetapi tidak beradab”. Bunga dedap walaupun mempunyai warna yang cantik dan indah pada pandangan mata tetapi bunga ini sebenarnya tidak berbau harum dan mempunyai racun pada bahagian tertentu serta berbahaya kepada makhluk lain. Sifat-sifat yang terdapat pada bunga dedap ini dikiaskan kepada ciri-ciri pada susuk tubuh seorang wanita yang cantik dan rupawan tetapi tidak berbudi bahasa. Sifat memudaratkan yang ada pada bunga dedap telah membuatkan makhluk lain takut untuk mendekatinya. Begitu juga apabila seorang wanita yang cantik tetapi tidak mempunyai akhlak yang baik akan membuatkan masyarakat cuba menjauhinya. Analisis makna peribahasa berunsurkan “bunga” melalui semantik inkuisitif bukan hanya berjaya menonjolkan kebijaksanaan pemikiran namun turut membuktikan bahawa orang Melayu pada zaman dahulu kala mempunyai ilmu yang tinggi dalam kajian sains tumbuhan ataupun ilmu botani. Hal ini dapat diperhatikan

apabila masyarakat Melayu dahulu kala dapat menghubungkan sifat biologi tumbuhan bunga dengan ragam kehidupan manusia yang berlaku di sekeliling mereka.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Kasdan dan Nopiah (2021) dan Kinanti dan Rachman (2019) juga mengambil peribahasa berunsurkan tumbuhan, iaitu “padi” dalam kajian mereka. Walaupun kedua-dua kajian ini menggunakan kerangka kajian semantik inkuisitif sebagai pendasaran kajian, namun data peribahasa berunsurkan “padi” yang digunakan adalah daripada sumber dan perspektif yang berbeza, iaitu padi dalam peribahasa Melayu (Kasdan & Nopiah, 2021) dan juga padi bagi masyarakat Indonesia (Kinanti & Rachman, 2019). Walau bagaimanapun, melalui sorotan yang dilakukan oleh pengkaji, peribahasa yang menggunakan imej padi dalam masyarakat Melayu dan Indonesia mempunyai banyak persamaan dari segi pembentukan kata dan makna. Sebagai contoh, peribahasa Melayu “Bawa resmi padi, semakin berisi, semakin tunduk” dan peribahasa Indonesia “Ingat akan ilmu padi, kian berisi kian menunduk” turut membawa maksud yang sama, iaitu “semakin tinggi ilmu atau kedudukan seseorang, hendaklah dia sentiasa merendah diri dan tidak sombong.” Bagi masyarakat Melayu, padi seringkali dikonsepsikan dengan ciri-ciri orang yang merendah diri dan mempunyai sikap yang baik. Manakala imej padi bagi masyarakat Indonesia pula disimbolkan kepada kebaikan, kemakmuran, dan kekayaan. Kesimpulan hasil daripada kedua-dua kajian ini yang menganalisis makna peribahasa berunsurkan “padi” menggunakan pendekatan semantik inkuisitif mendapati bahawa sifat yang ada pada padi dalam masyarakat Melayu dan Indonesia adalah membawa tanggapan yang baik dan sikap positif. Kajian ini berjaya membuktikan melalui semantik inkuisitif, peribahasa berunsurkan “padi” yang dicipta oleh masyarakat Melayu dan Indonesia pada zaman dahulu bukanlah ungkapan kata yang direka kosong tetapi mempunyai makna tersirat yang mengandungi ilmu, nasihat dan falsafah untuk dijadikan teladan kepada generasi akan datang.

Pada dasarnya, jumlah kajian yang menggunakan semantik inkuisitif sebagai kaedah pembelajaran peribahasa di peringkat sekolah menengah masih dikira sangat sedikit. Walaupun terdapat kajian lepas yang menggabungkan pendekatan semantik inkuisitif ke dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa seperti yang dilakukan oleh Subet dan Nasir (2019), namun sumber data peribahasa yang dianalisis dalam kajian ini diambil daripada sumber lama, iaitu buku teks Bahasa Melayu di bawah Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) (1989–2017) yang dilihat tidak lagi relevan dengan situasi semasa. KBSM telahpun digantikan dengan KSSM pada tahun 2017. KSSM dan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan 5 pula mula diperkenalkan pada tahun 2018 dan kemudiannya buku teks Bahasa Melayu KSSM Tingkatan 4 diterbitkan pada tahun 2019 manakala untuk buku teks Bahasa Melayu KSSM Tingkatan 5 pula diterbitkan pada tahun 2021 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Oleh itu, pengkaji berpendapat perlunya kajian lanjutan dilakukan untuk mengisi kelompangan kajian lepas. Kajian ini dilakukan untuk mengembangkan dan menambah baik kajian sedia ada dengan menggunakan sumber dan data yang terkini. Hal ini kerana, analisis terhadap peribahasa dengan domain/tema yang berbeza akan menghasilkan nilai dan pengajaran yang berbeza serta memberi peluang kepada pengkaji untuk meneroka ilmu baharu.

Setelah menganalisis dan meneliti artikel-artikel yang dikumpulkan menggunakan kaedah Sorotan Literatur Bersistematik, pengkaji mendapati bahawa kerangka kajian semantik inkuisitif dilihat mampu merangsang kemahiran berfikir aras tinggi kerana menerapkan kaedah menganalisis dan menilai, bersifat pembelajaran inkuiri (penerokaan), merentas kepelbagaian ilmu (multidisiplin) dan juga membawa pemikiran ke arah memahami konteks sebenar dalam memahami makna peribahasa (falsafah dan akal budi). Selain itu, dengan bantuan semantik inkuisitif juga, makna peribahasa dapat difahami dalam pelbagai konteks yang dapat digunakan oleh pelajar dalam proses pembelajaran bahasa. Pendekatan pembelajaran makna peribahasa yang berasaskan inkuiri pada dasarnya berupaya untuk merangsang kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan pelajar jika mendapat bimbingan yang sewajarnya daripada guru. Sebagai contoh, jika sebelum ini pelajar mungkin hanya mengetahui makna kamus peribahasa sahaja, namun dengan berpandukan kaedah yang bersesuaian seperti pendekatan semantik inkuisitif dapat membantu pelajar untuk memahami makna peribahasa berdasarkan data, teori, kognitif dan akal budi dengan cara meneroka makna sebenar peribahasa dengan lebih mendalam dan menyeluruh.

Bukan itu sahaja, kandungan pembelajaran peribahasa boleh diajar oleh guru secara berperingkat mengikut tahap kemahiran berfikir aras tinggi dan kognitif pelajar berpandukan Hierarki Taksonomi Bloom (Anderson et al., 2000) apabila guru mengaplikasikan pendekatan semantik inkuisitif di dalam bilik darjah bersama dengan pelajar. Bermula dengan pengetahuan makna kamus (Semantik Skrip), diikuti dengan mengaplikasi dan memahami makna peribahasa dalam konteks ayat berdasarkan maksud yang ingin disampaikan melalui ujaran penutur jati (semantik Resonans). Akhir sekali adalah peringkat tertinggi, iaitu menganalisis makna peribahasa dengan lebih mendalam dan menyeluruh untuk menilai semula aspek pemilihan imej atau subjek dalam peribahasa dan akhirnya murid dapat mencipta penemuan dan pengetahuan baharu serta memahami dan mengapresiasi karya sastra Melayu (Semantik Inkuisitif). Selain itu, melalui penelitian pengkaji terhadap kajian-kajian lepas, pendekatan semantik inkuisitif juga telah berjaya menonjolkan kepelbagaian ilmu pengetahuan yang merentas disiplin ataupun disebut sebagai Elemen Merentas Kurikulum dalam KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan 5.

KESIMPULAN

Pendekatan semantik inkuisitif dilihat dapat dijadikan rujukan dan panduan oleh guru untuk dijadikan sebagai satu alternatif kedah pengajaran dan pembelajaran peribahasa yang lebih sesuai untuk menganalisis makna peribahasa dengan lebih mendalam dan menyeluruh. Bersesuaian dengan fungsi semantik inkuisitif itu sendiri, iaitu untuk meneroka peribahasa dan maknanya sehingga ke akar umbi dan seterusnya menemui falsafah dan akal budi di sebalik penciptaan peribahasa tersebut. Sepertimana kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji lepas, para pengkaji ini telah memilih semantik inkuisitif sebagai pendekatan untuk menganalisis makna peribahasa dan telah berjaya mencungkil falsafah dan akal budi penutur jati peribahasa tersebut. Selain digunakan untuk memahami makna peribahasa secara lebih abstrak, semantik inkuisitif juga berjaya menonjolkan kepelbagaian ilmu pengetahuan merentas bidang bahasa itu sendiri yang dilihat amat penting sebagai usaha

untuk menerapkan kemahiran multidisiplin dalam kalangan pelajar. Bertepatan dengan usaha untuk mengangkat kembali martabat peribahasa dalam kalangan masyarakat, kajian ini berpendapat bahawa kaedah pengajaran peribahasa yang digunakan oleh guru di sekolah perlulah bersifat kontekstual dan inkuiri agar pelajar dapat memahami makna peribahasa yang pada ketika dahulu dianggap sebagai simbol kebijaksanaan masyarakat Melayu. Masyarakat pada zaman ini perlu mengetahui bahawa peribahasa ialah warisan ketamadunan bangsa yang perlu dijaga nilai estetikanya. Pertimbangan untuk menjalankan kajian ini dilihat dapat memvariasikan kajian semantik inkuisitif dan mengembangkan lagi kajian berkaitan pengajaran dan pembelajaran peribahasa sebagai rujukan oleh pengkaji akan datang. Akhir sekali, kajian ini juga mencadangkan kepada pengkaji akan datang untuk meneroka kaedah pengajaran dan pembelajaran peribahasa dengan menggunakan pelbagai pendekatan dan sumber dalam usaha membantu pelajar memahami peribahasa dan makna dengan lebih mendalam dan menyeluruh dalam pelbagai konteks supaya generasi akan datang akan lebih menghayati dan menghargai peribahasa Melayu sebagai warisan bangsa.

RUJUKAN/REFERENCES

- Abdol, Z. (2018). *Peribahasa wajib tahu dan faham* (5th ed.). Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.
- Ahmadi, E. (2004). Retorik peribahasa Melayu: Analisis skema dan trope. [Unpublished master's thesis]. Universiti Malaya.
- Amran, M. N. S., & Nopiah, J. (2020). Peribahasa Melayu berunsurkan burung: Satu analisis semantik inkuisitif [Malay proverbs with bird elements: An inquisitive semantic analysis]. *International Young Scholars Journal of Languages*, 1(1), 1–18.
- Anderson, L. W. D. R., Airasian, P. W., Cruikshank, K. A., Mayer, R. E., Pintrich, P. R., Raths, J., Wittrock, M. C. (2000). *A taxonomy for learning, teaching and assessing: A revision of Bloom's taxonomy of educational objectives*. Pearson, Allyn & Bacon.
- Awang, A., Ismail, C. Z., Ahmad, W. H. S. W., & Bakar, R. A. (2022). Tahap pengetahuan, persepsi dan sikap pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran peribahasa nilai islam dalam kursus penghayatan etika dan peradaban (CTU554). *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 7(45), 44–55. <https://doi.org/10.55573/JISED.074504>
- Bakar, A. A., Fadzil, N. A. S. N. M., Ibrahim, N. R., Isa, Z. M., Salam, R. A., & Salleh, M. S. M. (2020). Augmented reality mengatasi miskonsepsi pembentukan peribahasa. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 19(1), 26–32. <https://doi.org/10.37934/arsbs.19.1.2632>
- Bakar, M. A. (2018, 20 Mei). *Kurikulum standard sekolah menengah bahasa Melayu*. Bahagian Pembangunan Kurikulum. <http://bpk.moe.gov.my/index.php/terbitan-bpk/kurikulum-sekolah-menengah/category/331-dskp-tingkatan-4-dan-5-gabung>
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2019a). “Sudah tidak tersudu oleh angsa, baru diberikan kepada itik”: perspektif semantik inkuisitif dan akal budi Melayu. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2(1), 37–62.
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2019b). Ayam (*Gallus gallus domesticus*) dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Kemanusiaan*, 17(1), 36–42. <https://doi.org/10.31226/osf.io/ys8q6>

- Daud, M. Z. & Subet, M. F. (2022). Ayam sebagai rujukan makna inkuisitif berhati-hati, sia-sia dan khianat dalam peribahasa Melayu. *Kajian Malaysia* 40(1), 179–213. <https://doi.org/10.21315/km2022.40.1.9>
- Daud, M. Z., Abdullah, N. A., & Subet, M. F. (2021). Refleksi sisi negatif burung gagak dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Issues in Language Studies*, 10(2), 24–44. <https://doi.org/10.33736/ils.2764.2021>
- Elsevier. (2021, 11 November). What content is indexed in Scopus? https://service.elsevier.com/app/answers/detail/a_id/11274/c/10547/supporthub/scopus/
- Hamzah, Z. A. Z., & Hassan, A. F. M. (2011). Bahasa dan pemikiran dalam peribahasa Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11(3), 31–51.
- Hassan, H., & Jaafar, J. (2016). The interpretation of proverbs and their relation to thinking skills: An analysis based on relevance theory. *Jurnal Bahasa*, 16(1), 94–119.
- Hussin, D. R. D. A. (2020). Meningkatkan penguasaan penggunaan peribahasa dalam kalangan murid tingkatan 3 amanah melalui project based learning: Kamus mini 3D [Paper presentation]. International Conference on Education, Social Sciences and Technology 2020, Sabah, 3–4 December. <https://www.researchgate.net/publication/360774182>
- Jaafar, N. A. N., Maspur, N. F. N., Jurit, N. B. M., & Ibrahim, Z. (2022). Meneroka peribahasa: Aplikasi permainan dan pembelajaran peribahasa melayu sekolah rendah tahun 1 hingga tahun 6. *Multidisciplinary Applied Research and Innovation*, 3(2), 120–128. <https://doi.org/10.30880/mari2022.03.02.015>
- Jailani, N., Tan, C. S. N., Latih, R., Ismail, A., Muda, Z., Bakar, M. A., Rambely, A. S., Yusof, M., & Yatim, N. M. (2020). Reka bentuk aplikasi multimedia berasaskan kinect untuk pembelajaran peribahasa Melayu. *ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 12(2), 152–176.
- Jalaluddin, N. H. (2014). *Semantik dan akal budi Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jalaluddin, N. H., & Kasdan, J. (2010). Remaja Malaysia dan peribahasa Melayu. *Jurnal Linguistik*, 10(1), 158–172.
- Jalaluddin, N. H. & Nopiah, J. (2011). Penguasaan tatabahasa remaja Malaysia: Analisis pragmatik. *Jurnal Bahasa*, 11(1), 63–82.
- Jonteng, S. E., Yahya, Y., Salleh, S. F., Abdullah, N. A., & Subet, M. F. (2021). Imej perlambangan ‘tangan’ dalam simpulan bahasa melayu: analisis semantik inkuisitif. *Asian People Journal*, 4(1), 108–131. <https://doi.org/10.37231/apj.2021.4.1.261>
- Kasdan, J. & Nopiah, J. (2021). Padi dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif [Rice in Malay proverb: Semantic analysis inquisitive]. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 9(1), 59–72.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Kurikulum standard sekolah menengah bahasa Melayu*. Bahagian Pembangunan Kurikulum. Retrieved from <http://bpk.moe.gov.my/index.php/terbitan-bpk/kurikulum-sekolah-menengah/category/331-dskp-tingkatan-4-dan-5-gabung>
- Kempson, R. M. (1986). Ambiguity and the semantics and pragmatics distinction. In C. Travis (Ed.), *Meaning and interpretation* (pp. 135–154). Basil Blackwell.

- Kinanti, K. P., & Rachman, A. K. (2019). Padi bagi masyarakat Indonesia: Kajian semantik inkuisitif pada peribahasa Indonesia. *Basastra*, 8(1), 29–43. <https://doi.org/10.24114/bss.v8i1.12937>
- Kraus, S., Breier, M., & Dasi-Rodríguez, S. (2020). The art of crafting a systematic literature review in entrepreneurship research. *International Entrepreneurship and Management Journal*, 16(3), 1023–1042. <https://doi.org/10.1007/s11365-020-00635-4>
- Liyaganawardena, T. R., Adams, A. A., & Williams, S. A. (2013). MOOCs: A systematic study of the published literature 2008–2012. *International Review of Research in Open and Distributed Learning*, 14(3), 202–227. <https://doi.org/10.19173/irrodl.v14i3.1455>
- Moher, D., Liberati, A., Tetzlaff, J., & Altman, D. G. (2009). Preferred reporting items for systematic reviews and meta-analyses: The PRISMA statement. *Journal of Clinical Epidemiology*, 62, 1006–1012. <https://doi.org/10.1016/j.jclinepi.2009.06.005>
- Murthy, T., & Subet, M. F. (2019). Imej katak (கூடை) dalam peribahasa Tamil: Analisis semantik inkuisitif. *MALTESAS Multi-disciplinary Research Journal*, 4(1), 31–41. <https://doi.org/10.33736/ils.1616.2018>
- Murthy, T., & Subet, M. F. (2020). Gajah (ஊ) dalam peribahasa Tamil: Analisis semantik inkuisitif. *Asian People Journal*, 3(2), 134–146. <https://doi.org/10.37231/apj.2020.3.2.190>
- Murthy, T., Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2019a). Cerminan pemakanan sihat dalam peribahasa Tamil: Suatu kajian semantik inkuisitif. *Jurnal Sains Sosial dan Humaniora*, 3(2), 117–129. <https://doi.org/10.30595/jssh.v3i2.4381>
- Murthy, T., Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2019b). Peribahasa Tamil berimej lada hitam sebagai tradisi lisan: Analisis semantik inkuisitif. *The International Journal of Creative Futures and Heritage*, 7(2), 70–88. <https://doi.org/10.47252/teniat.v7i2.207>
- Murthy, T., Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2019c). Kajian semantik inkuisitif dalam peribahasa Tamil: Imej tumbuhan. *Sains Humanika* 11(1), 73–80. <https://doi.org/10.33795/jlt.v9i2.88>
- Musanif, A. M., Hamzah, Z. A. Z., Yaakob, N. A., & Su, N. C. (2011). Pengetahuan makna peribahasa dalam kalangan pelajar sekolah menengah. *Jurnal Linguistik*, 13(1), 1–16.
- Nasir, M. R. M. (2019). Semantik inkuisitif dan penggabungjalinnannya dengan pendidikan melalui kaedah pengajaran peribahasa melayu [Unpublished master's thesis, Universiti Malaysia Sarawak].
- Nopiah, J., & Anuar, F. J. (2023). Unsur eufemisme dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Bahasa*, 23(1), 1–32. [https://doi.org/10.37052/jb23\(1\)no1](https://doi.org/10.37052/jb23(1)no1)
- Nopiah, J., Addli, M. A., & Osman, M. (2023). Cerminan kuasa melalui peribahasa Melayu yang berobjekkan 'gajah' dan 'harimau': Analisis semantik inkuisitif. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 2, 241–266. <https://doi.org/10.32890/rentas2023.2.11>

- Sabarudin, A. N. M & Rosly, N. J. (2021) Unsur bunga dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *International Young Scholars Journal of Languages*, 4(2), 188–207.
- Saimon, A., & Md. Rashid, M. A. (2022). Konsep kepemimpinan dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 12(1), 6–17. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v12i1.6839>
- Samathayakul, A., & Thamaduangsri, S. (2022). Uses of learning media for improving the use of proverbs in communication of students with vision disabilities. *Journal of Educational Issues*, 8(1), 345–355. <https://doi.org/10.5296/jei.v8i1.19672>
- Saprilina, Mardiana, D., & Simpun. (2023). Model terpadu buku cerita rakyat, ungkapan dan peribahasa berbahasa Dayak Ngaju-Indonesia untuk sekolah dasar. *Enggang: Jurnal Pendidikan, Bahasa, Sastra, Seni, dan Budaya* 3(2), 1–13.
- Shaffril, H. A. M., Samah, A. A., Samsuddin, S. F., & Ali, Z. (2019). Mirror-mirror on the wall, what climate change adaptation strategies are practiced by the Asian's fishermen of all? *Journal of Cleaner Production*, 232, 104–117. <https://doi.org/10.1016/j.jclepro.2019.05.262>
- Sperber, D., & Wilson, D. (1986). *Relevance: Communication and cognition*. Blackwell Publishers.
- Sperber, D., & Wilson, D. (1995). *Postface relevance: Communication and cognition*. Blackwell Publisher.
- Subadah, R. (2020). Keseronokan dalam pembelajaran kosa kata bahasa Melayu menggunakan aplikasi bitara kata: Pengalaman Singapura. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 4(2), 70–86. <https://doi.org/10.33306/mjssh/64>
- Subet, M. F., & Nasir, M. R.M. (2019). Analisis semantik inkuisitif peribahasa bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 16(2), 227–253. <https://doi.org/10.32890/mjli2019.16.2.9>
- Tang, M. N. H., Rusli, N. F. M., Masa, N. S., & Jobar, N. A. (2021). Analisis kefahaman makna peribahasa dalam kalangan murid berdasarkan teori relevans. *Jurnal Linguistik*, 25(1), 1–20.
- Zaini, M. F., & Jalaluddin, N. F. (2019). Struktur seni bina Melayu “Tangga” dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(1), 1–26.
- Zazuli, M. Z., & Hermandra. (2023). Pemaknaan dan keterbacaan peribahasa dalam kebudayaan Melayu berbasis semantik inkuisitif. *GAUNG: Jurnal Ragam Budaya Gemilang*, 1(2), 93–106.